



## POLISI CAPAIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Tarikh Kuatkuasa	21 Feb 2005	Pindaan		Diluluskan Oleh	_____ Naib Canselor UNISEL
------------------	-------------	---------	--	-----------------	-------------------------------

### 11.1 Tujuan Polisi

Polisi ini menerangkan polisi capaian kepada sumber-sumber ICT yang terdapat di UNISEL. Semua capaian kepada komputer/server/notebook, rangkaian maklumat dan infrastruktur ICT UNISEL adalah tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran atau kelulusan secara jelas dan nyata.

### 11.2 Skop Polisi

Capaian kepada sumber ICT ini merangkumi akaun pengguna bagi sistem-sistem komputer berbilang pengguna, capaian kepada komputer peribadi dan nod rangkaian serta alamat IP bagi penyambungan sesuatu komputer kepada rangkaian UNISELNet (bagi mereka yang layak) diberikan kepada pelajar, staf dan sesiapa yang berkenaan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pentadbiran.

### 11.3 Takrifan

- i. "Pelajar" ditakrifkan sebagai seseorang yang mendaftar sesuatu program akademik (sama ada penuh atau separuh masa atau siswazah) di UNISEL dan statusnya masih aktif;
- ii. "Staf" ditakrifkan sebagai seseorang yang dilantik oleh UNISEL untuk sesuatu jawatan sama ada secara tetap, sambilan, sementara atau kontrak dan masih berkhidmat dengan UNISEL; dan
- iii. "Pengguna lain" terdiri daripada (tetapi tidak terhad kepada) pelatih industri, pembekal, pelawat dan konsultan yang akan dipertimbangkan dan diluluskan penggunaan berpolisikan keperluan individu tersebut.

**Nota :**

*Capaian kepada sistem komputer UNISEL bermaksud mendapat penggunaan komputer (secara individu bagi pengguna yang layak atau melalui perkongsian di makmal komputer/pejabat/bilik yang dikhaskan), ruang storan sesuatu server, perkhidmatan email dan perisian-perisian serta aplikasi-aplikasi yang diselenggarakan oleh pihak UNISEL.*

### 11.4 Syarat Capaian

- i. Kemudahan capaian diberikan kepada seseorang pengguna secara individu dan pengguna tidak boleh memberi kemudahan tersebut kepada orang lain termasuk ahli keluarga, pelajar atau kakitangan UNISEL. Ini termasuk berkongsi akaun

pengguna dan kata laluan serta membenarkan komputer dan perisian digunakan oleh orang lain. Pengguna adalah bertanggungjawab penuh ke atas semua capaian yang dibuat melalui akaunnya;

- ii. Capaian kepada sumber ICT UNISEL adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut, yang telah digubal untuk memastikan yang integriti, keselamatan dan kerahsiaan serta perkongsian sumber yang saksama tercapai;
- iii. Pengguna yang menggunakan sumber-sumber ICT UNISEL mestilah menghormati polisi penggunaan beretika ('acceptable use policy') dan menghormati hak intelek serta hak mencapai sumber-sumber yang sama oleh pengguna-pengguna yang lain. Pengguna tidak dibenarkan:
  - a. Menggunakan sumber ICT UNISEL untuk mendapat atau cuba mendapat capaian tidak sah ('unauthorised') kepada mana-mana sistem komputer samada di dalam atau di luar UNISEL. Ini termasuk membantu, mendorong, menyembunyikan percubaan untuk mencapai sistem-sistem komputer tersebut atau mencapai sumber ICT UNISEL dengan menggunakan identiti pengguna yang lain;
  - b. Menggunakan sumber ICT UNISEL untuk mencapai mana-mana perisian, fail teks, imej atau muzik atau apa jenis fail termasuk yang bersifat lucu, 'abusive', hasutan, 'slanderous', 'defamatory' atau yang melanggar ('violate') undang-undang negara; termasuk (tetapi tidak terhad kepada) mencapai dan menyebarkan muzik/video terhakcipta (dalam bentuk fail .mp3, .ra, .rm, .ram, .mpeg, dsb), perisian komputer serta teks dan imej yang terhakcipta, program-program komputer yang berbentuk pemusnah (seperti 'virus', 'worm', 'trojan' atau 'back-door');
  - c. Mencapai sumber ICT UNISEL untuk menghantar email yang berbentuk 'spam' (penghantaran email yang tidak diperlukan kepada ramai penerima), pengeboman mail (memenuhi kotak mail seseorang pengguna dengan email yang bersaiz besar atau banyak), email palsu (yang mana identiti penghantar dipalsukan atau disembunyikan), email berantai (penghantaran e-mel yang mengandungi permintaan/desakan supaya e-mel tersebut disebarkan kepada lebih ramai penerima) dan email yang berbentuk hasutan, lucu, gangguan seksual dan bersifat perkauman;
  - d. Mencapai atau cuba mencapai sumber elektronik (data, paparan, 'keystrokes', fail atau media storan) dalam sebarang bentuk yang dimiliki oleh pengguna lain tanpa mendapat kebenaran/kelulusan pengguna terbabit terlebih dahulu. Ini termasuk membaca, menyalin, menukar, merosakkan atau memadam data, program dan perisian. Penggunaan penganalisis rangkaian ('network analyser') atau pengintip ('sniffer') adalah dilarang;
  - e. Menyambungkan alat/peranti elektronik/komputer termasuk (tetapi tidak terhad kepada) komputer 'desktop' atau 'laptop' dan 'hub' atau 'switch' peribadi serta 'modem') ke rangkaian UNISELNet dengan tujuan untuk mendapat capaian kepada sumber-sumber ICT UNISEL tanpa mendapat kebenaran/kelulusan bertulis daripada Pengurus Pusat ICT. Kebenaran/kelulusan ini adalah bergantung kepada tahap piawai dan keselamatan untuk alat/peranti elektronik/komputer tersebut yang telah ditetapkan oleh JPPICT;
  - f. Mencapai sumber ICT UNISEL untuk tujuan komersial (melainkan kerjasama perundangan yang telah diberi kelulusan oleh JPPICT) atau untuk mendapat keuntungan peribadi. Ini termasuk iklan-iklan komersial pada laman web dan pemasangan perisian untuk mendapatkan wang semasa melayari Internet ('earn money while you surf') seperti AllAdvantage dan

Spedia; dan

- g. Seseorang pengguna yang mencapai sesuatu perkhidmatan yang perlu dibayar (contohnya pangkalan data 'online' komersial), hendaklah bertanggungjawab ke atas segala bayaran yang dikenakan.

Pengguna adalah digalakkan untuk menggunakan sumber ICT UNISEL dengan sebaik mungkin bagi memberi manfaat kepada misi dan matlamat UNISEL dalam bidang pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pentadbiran.